



SIARAN MEDIA

PELAKSANAAN PENYELENGGARAAN KUARTERS, PREMIS DAN FASILITI AGENSI DI BAWAH KDN

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menerima peruntukan *Rolling Plan* 3 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3 RMKe-12) sebanyak RM200 juta (Fasa 1) bagi Projek Penyelenggaraan Kuarters Agensi di Bawah KDN kepada jabatan/agensi dengan agihan seperti berikut Polis Diraja Malaysia (RM98,715,000.00), Jabatan Penjara Malaysia (RM41,000,000.00), Agensi Antidadah Kebangsaan (RM31,285,000.00), Jabatan Imigresen Malaysia (RM19,000,000.00) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (RM10,000,000.00). Peruntukan yang disalurkan ini adalah bagi tujuan menambah baik, menaik taraf dan menyelenggara kuarters dan fasiliti anggota untuk keselesaan serta pada masa yang sama dapat menjaga kebajikan anggota dan keluarga yang menghuni fasiliti-fasiliti tersebut di seluruh negara.

Bagi memastikan projek-projek yang diluluskan dapat dilaksanakan dengan segera dan memberi impak kepada penerima-penerima manfaat, KDN telah menubuhkan satu Pasukan Petugas (*Taskforce*) Projek Penyelenggaraan Kuarters, Premis dan Fasiliti Agensi KDN. Pasukan Petugas ini bertanggungjawab menyelaras, memantau serta memastikan jabatan/agensi yang bertanggungjawab mematuhi prosedur, tatacara dan tadbir urus yang baik dalam pelaksanaan projek. Sehingga 5 Ogos 2023, daripada sejumlah 640 projek yang telah diluluskan, sebanyak 90.1% sedang giat dilaksanakan di tapak, manakala 9.9% masih di peringkat perolehan.

YAB Perdana Menteri Malaysia juga telah mengumumkan peruntukan tambahan berjumlah RM200 juta bagi kerja-kerja pembaikan kuarters, premis dan fasiliti di bawah agensi KDN (Fasa 2) pada 15 Julai 2023 dengan agihan seperti berikut Polis Diraja Malaysia (RM145,000,000.00), Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) RM40,000,000.00 dan Jabatan Penjara Malaysia (RM15,000,000.00). Gerak kerja pelaksanaan projek di bawah kelulusan Fasa 2 ini sedang rancak dimulakan dan dijangka siap dilaksanakan selewat-lewatnya Disember 2023.

Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

8 Ogos 2023